



- | |
|---|
| <p>1. PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAAN
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.3-4 EB.5 [\$1,990 - \$2,970 SEBULAN]
KEKOSONGAN = 1</p> |
|---|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Perangkaan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan sebagai Pegawai Perangkaan Rendah atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAAN:

Secara Am:

Antara tugas-tugas jawatan ini termasuk dalam urusan pemungutan, penyediaan, penelitian rumusan dan penganalisan perangkaan Jabatan juga memasukkan dan mengeluarkan maklumat yang ada melalui sistem komputer.

**DI JABATAN PERANCANGAN, PERKEMBANGAN DAN PENYELIDIKAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN:**

1. Membantu Pegawai Perangkaan dalam pengendalian perangkaan pendidikan dan membuat laporan-laporan untuk buku-buku perangkaan.



2. Membantu Pegawai Perangkaan selaku penyelaras dalam tugas pengumpulan, penyusunan, penganalisan serta penyemakan data dan maklumat bagi semua sekolah, maktab dan institusi pengajian tinggi di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan, sekolah-sekolah swasta dan lain-lain Kementerian.
3. Membantu pegawai utama dalam menyediakan maklumat dan perangkaan yang dikehendaki oleh pihak-pihak berkenaan di dalam dan luar negeri.
4. Membantu dalam merancang, mengawas dan menyelaras projek-projek yang berkaitan dengan perangkaan pendidikan di Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan.
5. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan.